

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA
BATU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan cadangan KEMAS untuk mengadakan Tadika Elit seperti yang diperkatakan baru-baru ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sentiasa komited membangunkan modal insan khususnya di luar bandar. Pendidikan awal kanak-kanak antara yang perlu diberi keutamaan sewajarnya kerana pendidikan ini adalah asas pembentukan modal insan yang berkualiti terutama bagi masyarakat luar bandar yang masih kurang akses kepada pendidikan awal kanak-kanak.

Dalam menyediakan pendidikan awal yang terbaik kepada kanak-kanak, keutamaan diberikan kepada golongan berpendapatan rendah B40. Cadangan untuk menyediakan pendidikan awal kanak-kanak kepada kumpulan M40 dengan mengenakan sejumlah bayaran yang tertentu timbul berikutan permintaan yang tinggi daripada golongan berkenaan dan bukannya untuk mewujudkan pengelasan mengikut kumpulan pendapatan isi rumah.

Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak diteruskan dan golongan M40 masih berpeluang untuk menghantar anak mereka ke TABIKA KEMAS jika masih terdapat kekosongan tempat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

SOALAN

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kajian dibuat kesan Pandemik COVID-19 terhadap kemajuan pelajar-pelajar terutama mengenai pola kehadiran ke sekolah secara fizikal dengan sikap mereka terhadap kepentingan pelajaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (JPPSS) yang berfungsi membuat pemantauan secara menyeluruh terhadap kehadiran guru dan murid setiap hari, khususnya isu berkaitan dengan kes COVID-19. Antara fungsi lain JPPSS ialah memantau kesiapsiagaan pihak sekolah dalam melaksanakan prosedur keselamatan seperti yang disarankan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Oleh demikian, pihak JPPSS bertanggungjawab mendapatkan maklumat lengkap daripada sekolah sejak 24 Jun 2020 iaitu persediaan pembukaan semula sekolah seperti langkah-langkah memastikan penjarakan sosial, penyediaan alat pengimbas suhu dan tempat membersihkan tangan yang mencukupi. Selain itu, jawatankuasa ini turut menyediakan laporan lengkap setiap hari berkenaan penutupan sekolah akibat kes jangkitan COVID-19 dan menganalisa maklumat guru Bekerja Dari Rumah (BDR). Maklumat yang lengkap berlandaskan data ini sedikit sebanyak membantu KPM merangka strategi seperti membuat beberapa kajian dan keputusan penting yang berkaitan.

Kehadiran murid ke sekolah adalah secara berfasa mulai 24 Jun 2020. Fasa 1 (mulai 24 Jun hingga 14 Julai) hanya melibatkan kehadiran semula murid kelas peperiksaan awam iaitu terdiri daripada murid Tingkatan 5 yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, murid Tahun 2 dan dan Tahun 4 Kolej Vokasional yang akan menduduki Sijil Vokasional Malaysia, murid Tingkatan 6 Atas yang akan menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan murid yang akan menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia. Fasa 2 (mulai 15 Julai hingga 21 Julai) melibatkan pertambahan kehadiran semula murid daripada Tingkatan 6 Rendah, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 serta Tahun 5 dan Tahun 6. Fasa 3 (mulai 22 Julai 2020) pula melibatkan kesemua murid sekolah secara keseluruhannya dengan pertambahan kehadiran semula daripada murid Tahun 1 hingga Tahun 4.

Berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (JPPSS), KPM, purata peratus kehadiran murid peperiksaan semasa Fasa 1 adalah sebanyak 91.81%. Purata kehadiran pada Fasa 2 adalah sebanyak 86.84% dan purata kehadiran murid semasa Fasa 3 adalah sebanyak 85.63%. Peratusan keberadaan murid untuk hadir ke sekolah di atas paras 80% sepanjang tempoh fasa pembukaan semula sekolah jelas menunjukkan bahawa wujudnya kesedaran dalam kalangan ibu bapa/penjaga untuk memastikan anak mereka hadir bagi mengikuti pembelajaran di sekolah. Kebanyakan ibu bapa/penjaga turut berasa yakin dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh KPM dalam usaha untuk memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran dalam keadaan selamat dengan pihak pengurusan sekolah memastikan agar semua warga sekolah mematuhi Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah dan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) Pencegahan Penularan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19).

Namun, ketidakhadiran murid ke sekolah yang berlaku antaranya disebabkan oleh terdapat sentimen kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak mereka jika hadir ke sekolah terutamanya jika terdapat kes jangkitan COVID-19 di kawasan berdekatan. Selain itu, ketidakhadiran murid ke sekolah juga disebabkan oleh faktor bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh serta masalah logistik.

Sekian.